

Dr. M: Jalin hubungan dengan firma multinasional

UM 9 JUL 2001

KULIM 26 Julai — Syarikat tempatan perlu menjalin hubungan yang strategik dengan syarikat multinasional bagi mewujudkan industri fabrikasi wafer di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pada masa ini syarikat-syarikat multinasional kurang menunjukkan minat walaupun kerajaan telah meluluskan enam projek bagi menghasilkan produk fabrikasi wafer semikonduktor.

Katanya, hanya dua daripada projek yang telah diluluskan itu telah dimulakan dan kedua-duanya dipelopori dan dimiliki oleh kerajaan seperti Khazanah Nasional, Bank Industri dan kerajaan negeri Sarawak.

“Projek sedemikian akan membolehkan Malaysia mendapat akses yang lebih baik dalam teknologi wafer dan kerajaan sentiasa bersedia untuk memberi sokongan kepada projek sedemikian menerusi penyediaan pelbagai insentif dan kemudahan lain,” katanya ketika berucap merasmikan Silterra Malaysia Sdn. Bhd di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, antara sebab mengapa syarikat multinasional tidak berminat untuk memulakan projek yang telah diluluskan itu ialah kerana ia melibatkan jumlah modal yang besar serta berisiko tinggi.

Katanya, kos setiap projek kadangkala boleh mencecah RM5 bilion, memakan masa yang terlalu lama untuk disiapkan serta industri yang dikenali berisiko tinggi.

Perdana Menteri berkata, pertumbuhan pesat industri sedemikian di wilayah ini terutama di Taiwan dan Singapura berjaya menarik ramai jurutera dari negara-negara jiran kedua-dua buah negara itu untuk bekerja dalam industri tersebut.

“Saya difahamkan terdapat ramai jurutera tempatan yang bekerja di Singapura adalah golongan yang berpotensi untuk ditarik kembali bekerja di tanah air,” tegasnya.

Beliau berharap kilang seperti Silterra akan menarik jurutera tempatan yang selama ini bekerja di luar negara.

Menurut Perdana Menteri, sektor elektronik negara adalah sektor penyumbang terbesar kepada perkilangan, tambah nilai, eksport serta peluang pekerjaan.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita selepas upacara perasmian itu, Dr. Mahathir berkata, kerajaan bersedia membekukan pengambilan pekerja asing di negara ini jika rakyat tempatan bersedia untuk melakukan beberapa pekerjaan yang sebelum ini tidak sanggup dilakukan oleh mereka.

Menurut Perdana Menteri, pada masa ini pekerja asing diambil bagi menjalankan kerja yang rakyat kita sendiri tidak mahu bekerja di ladang sawit dan getah, selain pekerjaan yang dibayar dengan upah yang kecil.

“Tetapi kalau rakyat kita sendiri tidak mahu melakukan kerja sedemikian, kita kena benarkan syarikat terlibat mengambil pekerja asing,” katanya.